

05/06/1999

Pengerusi SPR mula bersara 21 Jun

JOHOR BAHRU, Jumaat - Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Harun Din, berkata beliau akan bersara pada 21 Jun ini selepas sembilan tahun memegang jawatan itu.

"Persaraan saya adalah mengikut peruntukan Perlembagaan kerana saya sudah berusia 65 tahun. Samalah seperti perlantikan hakim . . .," katanya kepada pemberita sebelum menemui Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, di sini hari ini.

Harun dilantik sebagai Pengerusi SPR pada 1 Oktober 1990. Beliau sebelum itu adalah Timbalan Setiausaha Agung di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sehingga bersara pada 23 Disember 1989.

Mengenai pertemuannya dengan Abdul Ghani, beliau berkata ia semata-mata untuk mengucapkan terima kasih kepada menteri besar itu sebelum bersara.

"Kunjungan ke atas semua menteri besar dan ketua menteri itu adalah untuk mengucapkan terima kasih terhadap sokongan mereka kepada SPR selama ini.

"Selepas pertemuan saya dengan Abdul Ghani di sini, saya akan ke Kuching, Sarawak minggu depan bagi melengkapkan siri lawatan saya ke seluruh negara," katanya.

Ketika ditanya mengenai penggantinya, Harun berkata: "Saya tidak tahu, perkara itu saudara kena tanya Perdana Menteri. Saya rasa mereka sudah pilih orangnya dan akan mengumumkannya tidak lama lagi."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan nama Pengerusi SPR yang baru tidak lama lagi kerana pilihan raya umum perlu diadakan sebelum Jun tahun depan.

"Dr Mahathir akan mengumumkan perkara itu tidak lama lagi. Mungkin sebelum tarikh saya bersara atau pun selepas saya bersara," katanya.

Ketika diminta mengulas persiapan jentera SPR bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, beliau meminta semua pihak bersabar menunggu hari sesuai untuk mengumumkan perkara itu.

(END)